

## **BAB 2**

### **ORGANISASI**

#### **2.1 SEJARAH INTAN**

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, secara rasminya sebagai sebuah institut pada tahun 1972 dengan pejabatnya di Jalan Elmu, Kuala Lumpur. Sejarah penubuhan awalnya bermula sebagai sebuah pusat latihan (Staff Training Centre) yang tetap di Port Dickson, Negeri Sembilan pada tahun 1959 dan beroperasi sehingga Jun 1963. Pusat Latihan baru kemudiannya telah dibina di Jalan Elmu, Kuala Lumpur dan beroperasi secara rasmi pada 19 September 1963. Pusat Latihan di Jalan Elmu kemudiannya telah ditukarkan namanya secara rasmi, (bersesuaian dengan fungsi yang semakin luas) kepada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 1 September 1972. Pada 22 Oktober 1984, Kampus INTAN di Bukit Kiara telah dirasmikan sebagai kampus Utama.

Kini INTAN mempunyai 6 kampus cawangan, Cawangan Utara di Sungai Petani, Kedah dirasmikan pada 21 Julai 1983. Cawangan Timur, di

Kemaman Terengganu dirasmikan pada 27 Ogos 1983. Cawangan Selatan di Kluang Johor, dirasmikan pada 18 April 1984. Cawangan Tengah di Jalan Elmud, Petaling Jaya, Selangor. Cawangan Sarawak di Kuching ditubuhkan secara rasmi pada 26 Mac 1999, dan terakhir Cawangan Sabah di Kota Kinabalu yang masih menggunakan premis sementara. Kampus utama INTAN ialah di Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

INTAN memberi latihan kepada anggota Perkhidmatan Awam dan Kerajaan, khususnya dalam usaha meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pemupukan sikap bekerja yang positif. Peserta-peserta dalam negeri adalah terdiri daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam, perkhidmatan negeri, badan berkanun dan juga pihak berkuasa tempatan. Peserta-peserta luar negeri adalah terdiri daripada peserta-peserta negara di bawah Malaysian Technical Cooperation Programmes (MTCP), kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti Commonwealth Secretariat dan lain-lain. INTAN menjalankan berbagai jenis kursus jangka pendek dan jangka panjang. Kursus-kursus yang ditawarkan terdiri dari kursus-kursus generik, kursus mandatori, kursus berdasarkan kehendak agensi dan kursus antarabangsa. Sila lihat mukasurat XIV, Penerangan Istilah.

## **2.2 DASAR LATIHAN INTAN**

Dasar latihan INTAN adalah berdasarkan dasar latihan Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1970 bertarikh 13 Januari 1970<sup>8</sup>. Ciri- ciri utama Dasar Latihan Kebangsaan ialah bagi mencapai hasrat menjadikan Perkhidmatan Awam yang progresif, bagi membangunkan kumpulan pentadbiran yang mahir, cekap dan maju selaras dengan kemajuan saintifik dan teknik-teknik pengurusan, bagi mengurangkan pertukaran dan kesurutan kakitangan Perkhidmatan Awam, bagi mencapai kecekapan dan keberkesanan dalam ekonomi, bagi mencapai satu pentadbiran latihan yang sama di dalam Perkhidmatan Awam selaras dengan dasar Kerajaan dan bagi menyediakan peluang latihan yang saksama dan adil untuk semua kakitangan Perkhidmatan Awam.

---

<sup>8</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1979, 13 Januari 1970 [JPA(L) Sulit No. SR.20.13/(11)]

## **2.3 MAKLUMAT KORPORAT INTAN**

Visi INTAN adalah untuk menjadi institusi latihan sektor awam bertaraf dunia. Misi INTAN ialah membangun sumber manusia sektor awam melalui latihan yang berkualiti<sup>9</sup>.

Bagi melaksanakan misi INTAN iaitu membangunkan sumber manusia sektor awam melalui latihan yang berkualiti, INTAN telah mengenalpasti objektif operasi iaitu bagi menyediakan latihan kepada warga Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan memperkuuh sikap positif melalui latihan, bagi meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan organisasi dalam Perkhidmatan Awam, bagi menjalankan penyelidikan, penerbitan dan menyediakan perkhidmatan konsultansi untuk menanam budaya dan nilai korporat dalam Perkhidmatan Awam, bagi menyediakan forum untuk menggalakkan idea dan kreativiti dalam pengurusan di sektor awam dan swasta dan bagi mewujudkan perhubungan antara agensi dan institusi tempatan dengan agensi dan institusi antarabangsa<sup>10</sup>.

---

<sup>9</sup> Laporan Tahunan 2000 INTAN, Unit Penerbitan dan Percetakan, INTAN, Kuala Lumpur 2001

<sup>10</sup> Fail Meja Penyelaras Projek kanan/ Laman Web INTAN

Dalam usaha INTAN mencapai objektifnya, INTAN telah memberi fokus latihan dengan memastikan semua kurikulum latihan mengambilkira pembangunan pengetahuan, kemahiran dan sikap, meluaskan peluang latihan kepada sektor awam melalui penyediaan manual latihan, latihan untuk jurulatih, dan sistem franchise, merekabentuk dan melengkapi program latihan selaras dengan keperluan dan dasar semasa, mengukuhkan penggunaan kajian kes dalam latihan, melengkapkan jurulatih INTAN dengan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam Program Persijilan Jurulatih dan menambahbaikkan kemudahan fizikal INTAN<sup>11</sup>.

Dasar kualiti INTAN ialah untuk membangunkan potensi sumber manusia sektor awam ke arah kecemerlangan melalui latihan<sup>12</sup>. Sementara itu objektif kualiti INTAN ialah bagi memastikan ketiadaan langsung aduan pelanggan; dapat menjalankan sekurang-kurangnya 80 % kursus yang dijadualkan; dan mendapat skor purata tidak kurang daripada 5 dalam skala 1 hingga 7 bagi penilaian kursus oleh peserta<sup>13</sup>.

---

<sup>11</sup> Laman Web INTAN

<sup>12</sup> Laporan Tahunan 2000, INTAN Kuala Lumpur 2001

<sup>13</sup> Ibid

Strategi latihan INTAN juga dirumuskan dalam slogan dan moto INTAN. Moto INTAN ialah Latihan Untuk Pembangunan sementara slogan INTAN ialah Selangkah di Hadapan<sup>14</sup>.

INTAN juga menekankan pembangunan warganya menjadi warga yang cemerlang, iaitu warga yang sentiasa mengamalkan ciri-ciri positif secara berterusan dan sentiasa ingin belajar. Warga INTAN cemerlang mengamalkan perilaku murni seperti mendahulukan salam/ucap selamat, bersopan santun dan mesra, mengutamakan pelanggan/peserta, mengamalkan kebersihan dan kekemasan, mengutamakan kerja berpasukan, memelihara imej dan kepentingan organisasi, mematuhi peraturan dan berjimat cermat, berpakaian kemas, mematuhi sistem kualiti, dan menepati masa<sup>15</sup>.

Jurulatih INTAN cemerlang pula ialah jurulatih yang mengamalkan perilaku murni seperti menepati masa, mematuhi sistem kualiti, berpakaian kemas, menerima maklumbalas secara positif, sentiasa ceria, dan berkomunikasi secara berkesan<sup>16</sup>.

---

<sup>14</sup> Laporan Tahunan 2000, INTAN Kuala Lumpur 2001

<sup>15</sup> Warga INTAN Cemerlang, Unit Penerbitan dan Percetakan, INTAN Kuala Lumpur 2001

<sup>16</sup> Ibid

## **2.4 STRUKTUR ORGANISASI INTAN**

INTAN sebagai satu bahagian di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam adalah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Majlis Penasihat INTAN (MPI) diwujudkan bagi membantu, menasihat dan menyokong INTAN ke arah pencapaian objektifnya. Fungsi MPI adalah menasihat INTAN mengenai pengurusan dan program pembangunan latihan, membantu INTAN mendapatkan sokongan dari segi undang-undang, nasihat teknikal dan kepakaran pengurusan dari dalam dan luar Malaysia, memupuk perhubungan yang baik antara INTAN dengan institut latihan dan institut pengajian tinggi yang lain, membantu INTAN untuk memupuk keupayaannya menjadi institut pengurusan dan institut latihan pembangunan pentadbiran kebangsaan, mengkaji semula dari semasa ke semasa program, projek, aktiviti dan kemajuan pembangunan projek latihan yang dikendalikan oleh INTAN dan memberi panduan kepada INTAN dari semasa ke semasa mengenai aktiviti-aktiviti INTAN<sup>17</sup>.

Majlis Penasihat INTAN mempunyai ahli tetap dan beberapa orang ahli yang dilantik. Ahli-ahli MPI tahun 2000 adalah seperti di LAMPIRAN A.

---

<sup>17</sup> INTAN Milestones of Success, INTAN Kuala Lumpur, 1997

INTAN diketuai oleh seorang Pengarah dan dua Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah (Akademik) dan Timbalan Pengarah (Operasi). INTAN Kiara mempunyai beberapa bahagian akademik yang dipanggil pusat, yang mana mengendalikan kursus-kursus tertentu. Setiap pusat diketuai oleh seorang ketua Pusat. Pusat-pusat adalah Pusat Kepimpinan, Pusat Pengurusan Pembangunan Ekonomi (Ekonomi), Pusat Pengurusan Teknologi (IMATEC), Pusat Pengurusan Kewangan (Kewangan), Pusat Perancangan dan Penyelidikan (R&D), Pusat Pembangunan Pengurusan dan Kualiti (Kualiti), Pusat Komunikasi dan Latihan (Komunikasi), Pusat Pembangunan Profesional (PP), Pusat Pembangunan Bandar dan Alam Sekitar (Alambandar) dan yang terakhir Pusat Kuantitatif.

Cawangan-cawangan kampus lain juga diketuai oleh seorang ketua dengan gelaran Pengarah. Cawangan-cawangannya ialah kampus kawasan Tengah (INTENGAH), kampus kawasan Selatan (IKWAS), kampus cawangan Utara (INTURA), kampus kawasan Timur (INTIM), kampus cawangan Kuching (INTAN Sarawak), kampus cawangan Kota Kinabalu (INTAN Sabah).

INTAN, Kampus Utama di Jalan Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan Kampus INTENGAH telah memperolehi Sijil MS ISO 9001 pada 30 April 1997. Sijil tersebut diperolehi melalui aktiviti pengendalian kursus-kursus yang

dijalankan di kedua-dua kampus tersebut. Sejak itu sebanyak beberapa kali auditan telah dijalankan dan kali terakhir ialah pada Mei 2001 bagi menilai sama ada INTAN boleh terus diberi persijilan MS ISO 9001. Dua buah lagi kampus INTAN iaitu Kampus INTAN Timur (INTIM) dan Kampus INTAN Utara (INTURA) telah memperolehi persijilan MS ISO 9002 pada tahun 1999<sup>18</sup>.

---

<sup>18</sup> Laporan Tahunan 1999, INTAN Kuala Lumpur 2000